

## PEMINJAMAN PERKATAAN THAI DALAM BAHASA MELAYU: PENELITIAN DARI SUDUT SEMANTIK

*ROHANI POOTEH*  
*Universiti Prince of Songkla*  
[rohani.p@psu.ac.th](mailto:rohani.p@psu.ac.th)

*KARIM HARUN*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[linguist@ukm.edu.my](mailto:linguist@ukm.edu.my)

*MASLIDA YUSOF*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Peminjaman bahasa merupakan fenomena biasa untuk memperkayakan perbendaharaan dalam sesuatu bahasa. Peminjaman bahasa berlaku apabila berlakunya pertembungan antara dua bahasa. Begitu juga dengan bahasa Melayu yang telah meminjam kosa kata bahasa asing demi memenuhi keperluan untuk menjelaskan konsep-konsep baharu yang tiada dalam masyarakat penutur bahasa Melayu. Terdapat banyak kajian yang mengkaji berkaitan kata pinjaman kata dalam bahasa Melayu, namun kebanyakan menumpu kepada dialek Melayu Patani dan terhad kepada penyenaian kosa kata. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis makna kata pinjaman Thai dalam bahasa Melayu berdasarkan perbandingan makna kedua-dua bahasa daripada aspek perubahan makna. Data kata pinjaman Thai diperoleh daripada Kamus Dewan Perdana (2020) khususnya dalam bidang pertanian. Manakala, data bahasa Thai yang dijadikan rujukan perbandingan makna diperoleh daripada Kamus Institut Pendeta diraja Thai 2011 (2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan serta kaedah lapangan dan menerapkan teori perubahan makna (*semantic change*) yang digagaskan oleh Bloomfield (1984). Kaedah kepustakaan digunakan untuk menyemak latar belakang sejarah dan makna-makna kata, manakala melalui kaedah lapangan, pengkaji menggunakan teknik temu bual semi berstruktur. Seramai tiga orang informan yang terlibat dalam kajian ini demi mengesahkan makna dan penggunaan perkataan pinjaman dalam kajian. Dapatan kajian mendapati lapan kata pinjaman bahasa Thai dalam bidang pertanian. Terdapat dua perkataan yang mengalami penyempitan makna dan enam perkataan yang mengalami peluasan makna. Perubahan makna yang berlaku bukan hanya untuk dapat menampung keperluan penggunaan bahasa, malah dapat memperkayakan lagi korpus dan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian seperti ini penting bagi memperkembangkan lagi bidang semantik dan perkamusan khususnya kamus bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Bahasa Melayu; bahasa Thai; kata pinjaman; peluasan makna; penyempitan makna

## **BORROWING THAI WORDS IN MALAY: A SEMANTIC PERSPECTIVE STUDY**

### **ABSTRACT**

Borrowing language is a common phenomenon to enrich the vocabulary of a language. Language borrowing occurs when there is a contact between two languages. Similarly, Malay language has borrowed vocabulary from foreign language to meet the needs of explaining new concepts that are absent in the Malay-speaking community. There are many studies that examine loanwords in the Malay language, but most focus on the Malay dialect of Patani and are limited to vocabulary enrichment. Therefore, this study aims to analyse the meanings of Thai loanwords in Malay based on a comparison of meanings in both languages from the aspect of semantic change. Data on Thai loanwords were obtained from the Dewan Perdana Dictionary (2020), especially in the field of agriculture. Meanwhile, data on the Thai language used as reference for comparing meanings were obtained from the Royal Thai Institute Dictionary 2011 (2013). This study uses a qualitative approach consisting of literature review methods and field methods, applying the theory of semantic change proposed by Bloomfield (1984). Literature review methods are used to examine the historical background and meanings of word, while through field methods, researcher use semi-structured interview techniques. Three informants were involved in this study to confirm the meanings and usage of loanword in the study. The findings of the study found ten Thai loanwords in the field of agriculture. There are three words that undergo narrowing of meaning and seven words that undergo widening of meaning. The semantic change that occurs not only serve to accommodate the needs of language users, but also enrich the corpus and vocabulary of the Malay language. Furthermore, studies like this are important to further strengthen the field of semantics and lexicography, especially Malay language dictionaries.

**Keywords:** Loanwords; Malay language; narrowing of meaning; Thai language; widening of meaning

### **PENGENALAN**

Peminjaman kata merupakan fenomena biasa untuk memperkayakan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa. Bahasa Inggeris misalnya meminjam daripada bahasa Danish, Perancis, dan Latin untuk memperkayakan bahasanya. Malah, bahasa Inggeris tidak pernah berhenti meminjam daripada bahasa-bahasa lain di seluruh dunia kesan daripada hubungan perdagangan dan imperialisme (Knowles, 1997). Bahasa Melayu juga tidak terkecuali. Bahasa Melayu juga turut meminjam kosa kata bahasa asing seperti Sanskrit, Parsi, Arab, Cina, Portugis, Tamil, Inggeris, dan Belanda demi memenuhi keperluan untuk menjelaskan konsep-konsep baharu yang tiada dalam masyarakat penutur bahasa Melayu. Selain bahasa-bahasa tersebut, bahasa Thai juga menjadi salah satu bahasa yang menjadi sumber peminjaman bahasa Melayu. Bahasa Thai yang merupakan rumpun keluarga Tai-Kadai adalah bahasa yang dituturkan di negara Thai. Antara faktor peminjaman bahasa Thai ini adalah disebabkan oleh faktor geografi dan sejarah kerana beberapa wilayah Thai seperti Satul, Songkla, Yala, Pattani dan Narathiwat terletak di kawasan sempadan Malaysia dan wilayah-wilayah ini pernah berada di bawah pentadbiran Malaya. Oleh itu, proses peminjaman bahasa bukan sahaja berlaku sehala, iaitu bahasa Melayu sahaja yang meminjam daripada bahasa Thai, tetapi bahasa Thai juga turut meminjam daripada

bahasa Melayu. Perkataan seperti bunga /bùŋá:/, tanjung /tanyón/ dan bulan /bùlán/ dalam bahasa Thai adalah kata pinjaman daripada bahasa Melayu.

Proses peminjaman perkataan Thai dalam bahasa Melayu telah berlaku sejak zaman lampau terutamanya melalui perhubungan sosial melalui perdagangan dan budaya antara kedua-dua negara. Peminjaman bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu juga masih berlaku hingga kini. Kata-kata seperti tomyam, paprik, dan somtam yang berkaitan makanan digunakan dengan meluas dalam pertuturan seharian bahasa Melayu. Namun begitu, tidak semua perkataan Thai yang digunakan dalam pertuturan seharian di Malaysia didokumentasikan di dalam kamus, malah kata-kata Thai yang dimasukkan ke dalam kamus pula tidak diberikan label kata pinjaman Thai, misalnya perkataan tomoi dan tomyam. Perhatikan entri tomoi yang terdapat Kamus Dewan Perdana (220:2394):

**tomoi** توموي [to-moj] *Suk n* sejenis tinju dan juga seni mempertahankan diri yg berasal dr Thailand, yg banyak menggunakan tangan, kaki, siku dan lutut utk mendapatkan mata atau menjatuhkan lawan. Tomoi kini diangkat menjadi acara sukan dgn menggunakan gelanggang spt tinju biasa dan lebih dikenali sbg Muay Thai;

Dalam entri tomoi tersebut kita mungkin boleh menduga kata tomoi merupakan kata pinjaman Thai kerana dalam pentakrifannya dinyatakan bahawa tomoi ialah sejenis tinju dan juga seni mempertahankan diri yang berasal daripada Thailand. Namun, dalam entri tomyam pula, takrif yang diberikan tidak menyatakan bahawa tomyam adalah sejenis masakan Thai. Berikut takrif tomyam dalam Kamus Dewan Perdana (2020: 2395):

**tomyam** توميام [tom-jam] *n* masakan berkuah yg agak masam dan pedas, yg menggunakan serai, daun limau purut dan cili sbg bahan utamanya, biasanya diisikan isi ayam, udang, sotong dsb, serta sayur-sayuran spt lobak merah dan kubis bunga.

Di samping itu, terdapat pula kata pinjaman Thai yang terdapat dalam Kamus Dewan Perdana yang dilabelkan sebagai kata dialek, misalnya *guam* yang didefinisikan sebagai peselisihan pendapat dalam mahkamah dilabelkan sebagai kata dialek Kelantan (Kamus Dewan Perdana 2020:705). Walaupun kata pinjaman Thai ini masuk berterusan ke dalam bahasa Melayu tetapi kajian terhadap kata pinjaman Thai ke dalam bahasa Melayu masih belum memadai. Kebanyakan kajian kata pinjaman kata Thai ke dalam bahasa Melayu hanya menumpukan kepada kata pinjaman Thai ke dalam dialek Melayu Patani (lihat Abdonloh Khreeda-oh, et.al, 2022; Lateh & Zaharani, 2014; Baru, W. 1990). Justeru kajian ini akan membincangkan kata pinjaman Thai dalam bahasa Melayu di Malaysia daripada perspektif perubahan makna dalam bidang pertanian.

### Proses Peminjaman Bahasa Thai dalam Bahasa Melayu

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan berbudaya tinggi perlu memiliki perbendaharaan kata yang mencukupi untuk menyatakan konsep-konsep baharu yang kompleks dan abstrak.

Pemeriksaan perbendaharaan kata ini penting agar bahasa ini dapat terus maju seiring dengan perkembangan masyarakat penuturnya. Untuk memperkembangkan perbendaharaan dalam sesuatu bahasa lazimnya boleh dihasilkan melalui penciptaan perbendaharaan kata oleh masyarakat sendiri berdasarkan pengetahuan dan kecekapan penutur terhadap bahasanya sendiri. Dengan cara lain, penambahan perbendaharaan kata boleh dilakukan melalui proses peminjaman kata asing. Menurut Kamus Linguistik (1997:118), kata pinjaman (*loan word*) merupakan kata yang dipinjam terus daripada bahasa asing, seperti *ad hoc*, atau melalui penterjemahan atau peniruan konsep daripada bahasa lain seperti budaya kuning (*yellow culture*), dan bulan madu (*honeymoon*).

Proses peminjaman bahasa terjadi apabila berlakunya pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain atau berlaku pengaruh bahasa ke atas bahasa yang lain. Peminjaman perkataan antara satu bahasa ke dalam satu bahasa adalah fenomena biasa dalam perkembangan bahasa. Bahasa Melayu sebagai bahasa yang kaya dengan pengaruh dari pelbagai budaya dan peradaban turut mengalami proses peminjaman perkataan dari bahasa-bahasa lain. Salah satu sumber peminjaman yang signifikan adalah bahasa Thai, terutamanya dalam konteks budaya, makanan dan teknologi. Brown dan Miller (2013) menyatakan bahawa pertembungan bahasa adalah situasi yang penutur daripada bahasa-bahasa yang berbeza mempunyai perhubungan secara rapat dalam kehidupan seharian sehingga mengakibatkan proses peminjaman kosa kata, fitur fonetik dan struktur gramatikal bahasa di antara satu sama lain. Berdasarkan situasi tersebut, bahasa yang lebih dominan akan terus hidup dan sebaliknya bagi bahasa yang tidak dominan.

Bloomfield (1933) telah mengagaskan tiga jenis peminjaman iaitu peminjaman budaya, peminjaman karib dan peminjaman dialek. Pertama, peminjaman budaya berlaku apabila berlaku perbatasan jarak geografi dan sempadan politik antara satu komuniti bahasa yang sama. Dalam situasi ini, unsur bahasa bukan hanya interaksi langsung, tetapi lebih kepada pengaruh budaya atau aspek-aspek lain yang merentasi sempadan yang luas. Contohnya, peminjaman kata-kata dalam Melayu yang berasal daripada bahasa Thai sering dikaitkan dengan budaya atau aspek kehidupan yang telah melalui pengaruh budaya yang lebih luas. Contohnya, kata-kata yang berkaitan dengan makanan, sukan atau pertanian seperti, *tomyam*, *muai Thai* dan *cop*.

Kedua, peminjaman karib berlaku apabila dua bahasa yang berbeza berada dalam domain politik yang sama atau dalam sosio-politik yang sama. Peminjaman ini boleh berlaku melalui kerjasama politik, ekonomi atau perjanjian antara negara. Contohnya, peminjaman antara bahasa yang digunakan di negara-negara jiran yang berkongsi sempadan politik atau sejarah yang sama seperti perkataan 'guam' yang bermaksud perselisihan.

Ketiga, peminjaman dialek pula merupakan peminjaman unsur bahasa dari satu dialek ke dialek lain dalam domain bahasa yang sama. Peminjaman dialek berlaku dalam konteks di mana variasi bahasa yang berbeza wujud dalam satu sistem bahasa yang lebih luas. Unsur-unsur bahasa ini dipinjam antara dialek-dialek yang mungkin mempunyai hubungan yang lebih rapat atau saling mempengaruhi. Contohnya, di kawasan selatan Thailand dan utara Malaysia terutamanya di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah, peminjaman dialek berkemungkinan besar berlaku peminjaman dialek. Seperti, *cop*, *lau*, *gerat*.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian peminjaman kata bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu yang meliputi dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu di Malaysia sudah dilakukan. Kajian yang memberi tumpuan kepada kata pinjaman Thai ke dalam dialek Melayu di Malaysia dilakukan oleh Mohd Syamril Akmar Chek Kassim et. al., (2016) dan Mohammed Yusoff Ismail (1989). Mohd Syamril Akmar Chek Kassim et. al., (2016) mengkaji pengaruh bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu khususnya

dialek Perlis. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Seramai 15 orang pelajar bahasa Inggeris yang mengambil kursus bahasa Melayu di UniMAP dan pelajar dari Universiti Walailak, Thailand yang mengikuti program kursus bahasa Melayu yang disediakan oleh UniMAP dijadikan sebagai responden kajian. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat beberapa pengaruh bahasa Thai terhadap dialek Melayu Perlis, terutama pada golongan kata nama, contohnya perkataan 'nat'(pasar). Namun, makna perkataan tersebut telah disempitkan maknanya oleh penutur dialek Melayu Perlis dan Kedah jika dibandingkan dengan makna asal 'nat' dalam bahasa Thai yang bermaksud 'berjanji' atau 'pasar'. Dalam kajian ini, kata-kata pinjaman bahasa Thai yang hanya disenaraikan tanpa berlandaskan mana-mana teori untuk menganalisis kata-kata tersebut.

Selain daripada kajian kata pinjaman Thai dalam dialek Perlis, terdapat juga kata pinjaman Thai dalam dialek Kelantan. Kajian kata-kata Thai yang menyerap ke dalam dialek Melayu Kelantan dilakukan oleh Mohammed Yusoff Ismail (1989). Berdasarkan kajian beliau, terdapat 51 perkataan Thai dalam dialek Melayu Kelantan. Kajian ini menyenaraikan kata bahasa Thai yang disusun berdasarkan fonetik dan diikuti dengan istilah asal bahasa Thai dalam aksara Thai.. Kebanyakan kata yang terdapat dalam kajiannya mengandungi satu suku kata, contoh '/bɔ/, /cɛ/ dan /joŋ/. Peminjaman ini telah mengubah aspek bunyi, seperti terdapat penyingkatan sebutan seperti /loʔ/ daripada /lódlá/ dan pemberian imbuhan seperti /mmêcɔʔ/ daripada /prachód/. Daripada aspek makna pula, terdapat sesetengah kata yang mengalami perubahan makna jika dibandingkan dengan makna asal dalam bahasa Thai, misalnya /ju/ yang merupakan kata arahan gembala lembu untuk menyuruh lembunya jangan bergerak, namun dalam bahasa Thai /yùu/ bermaksud 'berada' atau 'duduk'. Kedua-dua kajian ini sangat menarik kerana sehingga kini kajian terhadap kata pinjaman Thai dalam dialek Melayu di Semenanjung Malaysia masih kurang dilakukan.

Kajian yang berkaitan dengan kata pinjaman Thai ke dalam dialek Patani dilakukan oleh Abdollah K.hreda-oh et. al., (2022). Mereka mengkaji perubahan makna kata Thai yang dipinjam oleh dialek Patani. Data kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani diambil daripada Kamus Dialek Melayu Patani. Data-data ini kemudiannya dibandingkan dengan data bahasa Thai yang diperoleh daripada Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011 (2013). Perbandingan yang dilakukan tidak berlandaskan mana-mana teori berkaitan proses perubahan makna. Kata-kata pinjaman yang terdapat dalam Kamus Dialek Patani dikelompokkan kepada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Kajian ini mendapati terdapat kata pinjaman bahasa Thai yang masih mengekalkan makna asal dan ada juga kata-kata yang telah mengalami perubahan makna. Perubahan makna yang dikemukakan ialah peluasan, penyempitan dan pertukaran. Baru @ Ahmad Idris (1990) pula telah melakukan kajian tentang penggunaan bahasa Melayu di Thailand khususnya di wilayah Patani. Beliau meneliti gejala kata pinjaman daripada bahasa Thai dalam beberapa aspek iaitu, kategori kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani mengikut bidang dan cara peminjamannya, proses peminjaman dan zaman kemasukannya. Beliau membahagikan bidang peminjaman kata bahasa Thai kepada bidang keagamaan, kesenian, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kehakiman, ketenteraan, pertanian, kesukanan, hiburan, makanan, sains dan teknologi. Beliau mendapati bahawa selain daripada peminjaman kata bahasa Thai untuk memenuhi keperluan dalam menggunakan istilah-istilah baharu, terdapat juga rasa megah apabila menggunakan bahasa Thai dan dapat menunjukkan taraf pendidikan seseorang. Manakala huraian berkaitan dengan aspek zaman peminjaman dibataskan khususnya kepada istilah pangkat kebesaran sahaja.

Perubahan bahasa kesan daripada pertembungan bahasa Melayu dengan Thai dikaji oleh Chaiyanara (2005). Beliau membincangkan pertembungan bahasa Melayu dengan bahasa Thai yang menyebabkan perubahan dalam bahasa. Pertembungan kedua-dua bahasa ini berlaku

kerana faktor geografi linguistiknya yang bertindih antara satu sama lain. Perubahan dalam bahasa yang terdapat dalam kajiannya disebabkan faktor sosial, ekonomi dan politik, faktor penggunaan bahasa dan faktor dalaman bahasa. Selain itu, kajiannya mendapati bahawa kedua-dua bahasa dipengaruhi oleh fenomena campuran kod, alih kod, peminjaman bahasa dan gangguan bahasa. Berdasarkan fenomena tersebut menghasilkan percampuran bahasa dan kacukan bahasa di kawasan kajian.

Kajian terhadap pertembungan bahasa di selatan Thailand juga dilakukan oleh Rohaidah Harun et.al., (2018) dengan tujuan membincangkan faktor-faktor kepada pertembungan tiga bahasa yang berbeza iaitu bahasa Melayu, bahasa Thai dan dialek Melayu Patani. Tujuan seterusnya adalah mengenal pasti implikasi pertembungan bahasa yang berlaku. Kajiannya telah dilakukan dengan kaedah kualitatif dengan beberapa metod. Kajiannya mendapati bahawa pertembungan bahasa berlaku berpunca daripada beberapa aspek. Antara aspek-aspek tersebut termasuk pendidikan, persekitaran, dasar kerajaan, perkahwinan dan pekerjaan. Manakala implikasi kepada pertembungan bahasa pula ialah alih kod, campur kod dan dialek.

Ruslan Uthai (2005) pula telah membincangkan pengaruh bahasa Thai ke dalam dialek Melayu Patani. Pengaruh bahasa Thai yang diteliti ialah kata ekasuku dalam dialek Melayu Patani. Beliau menggunakan data yang diperoleh daripada disertasi, tesis, artikel dan kamus dialek Melayu Patani sebagai sumber utama dalam kajiannya. Data-data tersebut disahkan kembali dengan penutur dialek Melayu Patani. Penemuan kajiannya mendapati bahawa kata ekasuku sudah menjadi salah satu ciri istimewa dalam dialek Melayu Patani. Beliau juga menyatakan pada masa akan datang jumlah kata ekasuku akan semakin bertambah kerana dialek Melayu Patani sangat dipengaruhi bahasa Thai.

Umaiyah Haji Umar (2010) pula telah menjalankan kajian berkaitan peminjaman antara bahasa keluarga Austronesia dan Tai-Kadai. Kajiannya memfokuskan kepada dialek Melayu Patani yang meminjam bahasa Thai sebagai wakil bahasa keluarga Austronesia dan bahasa Thai dialek Kedah yang meminjam bahasa Melayu standard merupakan wakil bahasa keluarga Tai-Kadai. Kajiannya bertujuan memperlihatkan latar belakang sejarah yang mendorong perilaku peminjaman ke dalam kedua-dua bahasa dan mengenal pasti proses peminjaman yang berdasarkan fonologi dan morfologi. Dapatan kajiannya mendapati bahawa proses peminjaman dijelajahi secara holistik dan dijelaskan bukan hanya melalui penerangan perubahan fizikal dalam item leksikal, malah melalui persepsi dan pandangan dunia penutur yakni penutur bahasa Melayu standard dengan Thai Kedah dan Thai standard dengan dialek Melayu Patani.

Selain kajian pertembungan bahasa, kajian penggunaan bahasa di Thai bahagian Selatan juga telah dilakukan. Muhammad Fadzeli Jaafar et.al (2015) telah mengkaji penggunaan bahasa di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Kajiannya memfokus kepada peralihan bahasa dan pengekalan bahasa berlandaskan konsep domain yang digagaskan oleh Fishman (1972). Seramai 202 responden yang mewakili penutur di kedua-dua kawasan kajian, iaitu penutur yang tinggal di Rantau Panjang dan Sungai Golok sahaja. Kajiannya menumpu kepada domain perniagaan dan domain keluarga. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa dialek Kelantan paling dominan dan wujudnya pengekalan dialek Melayu Patani berbanding bahasa Thai.

Di samping itu, penelitian berkaitan kata pinjaman daripada sudut makna yang memfokuskan kepada bahasa Sanskrit telah dijalankan oleh Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim dan Aniswal Abd Ghani (2023). Penelitiannya merangkumi dua jenis perubahan, iaitu penyempitan dan peluasan makna. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa peminjaman perkataan daripada Sanskrit telah menyebabkan berlakunya penyempitan dan peluasan makna ke dalam bahasa Melayu. Peluasan dan penyempitan makna tersebut terjadi setelah berlakunya perubahan kepercayaan masyarakat Melayu, iaitu daripada Hindu-Buddha kepada agama Islam. Penelitiannya menunjukkan bahawa penyebaran agama Islam bukan sahaja menyumbangkan

kepada pemilikan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu, namun turut mempengaruhi makna perkataan pinjaman Sanskrit disebabkan oleh percanggahan kepercayaan dan ajaran antara Islam dan Hindu-Buddha.

Terdapat pendekatan daripada sudut fonologi untuk mengkaji impak penyerapan kosa kata asing ke dalam bahasa Melayu. Antaranya daripada kajian Muhammad Firdaus Mohd Sah dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2021). Kajiannya mengenai kesan penyerapan leksikal daripada bahasa asing ke dalam bentuk pertuturan kalangan masyarakat Bugis di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Teori Optimatili. Hasil kajian menunjukkan terdapat lapan strategi adaptasi kata pinjaman digunakan dalam bahasa Bugis, iaitu peleburan, pengguguran, penggantian segmen, pentesis, perendahan vokal, penggantian nasal, pembentukan hentian glottis dan geminasi. Analisis Koresponden-OO yang diaplikasikan menunjukkan bahawa bahasa Bugis mengubah leksikal asing kepada bentuk dan ciri fonologi bahasa masyarakat Bugis. Hal ini menjadikan leksikal-leksikal yang diserap berubah mengikut acuan rumus bahasa pinjaman.

Berdasarkan perbincangan sorotan kajian yang telah dilakukan di atas, memperlihatkan bahawa kebanyakan kajian yang memfokuskan kepada peminjaman kata bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani pada aspek fenomena peminjaman. Terdapat juga kajian yang hanya menyenaraikan kata bahasa Thai yang wujud dalam dialek Melayu. Manakala kajian yang berkaitan dengan perubahan makna kata pinjaman pula, terdapat hanya kajian yang menumpu kepada dialek Melayu Patani. Kajian-kajian di atas menyebabkan pengkaji berusaha untuk menjalankan penelitian terhadap perubahan makna kata pinjaman yang terdapat dalam bahasa Melayu. Khususnya kata-kata pinjaman bahasa Thai yang dientri ke dalam Kamus Dewan Perdana yang berkaitan dengan pertanian.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kata pinjaman bahasa Thai yang terdapat kamus Dewan Perdana (2020), khususnya dalam bidang pertanian. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perubahan makna kata pinjaman Thai dalam bahasa Melayu.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Penelitian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk memastikan ketulenan kata pinjaman bahasa Thai. Daripada kajian kepustakaan, maklumat utama berkaitan dengan kata pinjaman bahasa Thai diperoleh dengan membuat rujukan terhadap disertasi dan kamus-kamus termasuk kamus ekabahasa, kamus dwibahasa, Kamus Dewan Perdana, kamus dialek Patani dan Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011 (2013). Dalam kaedah lapangan pula pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data. Kaedah lapangan, pengkaji memilih tiga orang informan untuk mengesahkan penggunaan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Informan pertama yang pengkaji temu bual untuk mengesahkan kata pinjaman bahasa Thai serta penggunaannya ialah pensyarah bahasa Melayu di sebuah universiti di Thailand yang berpengalaman menghasilkan kamus dwibahasa iaitu kamus bahasa Melayu-Thai. Untuk melengkapkan maklumat berkaitan penggunaan kata pinjaman Thai dalam dialek Melayu, pengkaji juga turut menemu bual seorang penutur asli dialek Kelantan dan seorang penutur asli dialek Kedah. Dalam kajian ini, sumber data utama diperoleh daripada Kamus Dewan Perdana (2020).

## PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini akan menerapkan teori perubahan makna yang digagaskan oleh Bloomfield (1984: 425-443). Bloomfield (1984) menyatakan perubahan makna kata pinjaman kepada beberapa cara, iaitu penyempitan makna (*narrowing*), peluasan makna (*widening*), metafora (*metaphor*), metonimi (*metonymy*), senekdoki (*synecdoche*), hiperbol (*hyperbole*), litotes (*litotes*), pejorasi (*degeneration*) dan ameliorasi (*elevation*). Namun, kajian ini menggunakan dua jenis daripadanya yang telah diperkemas bersesuaian dengan kajian ini yang berfokus kepada kata pinjaman bahasa Thai yang berkaitan dengan kategori pertanian yang dimuatkan dalam Kamus Dewan Perdana (2020). Dua jenis perubahan makna tersebut adalah penyempitan makna (*narrowing*) dan peluasan makna (*widening*). Kemudian, kata yang telah dikenal pasti daripada Kamus Dewan Perdana (2020 sebagai kata pinjaman Thai akan dibandingkan dengan makna yang terdapat Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011 (2013) untuk meneliti perubahan yang berlaku.

## DAPATAN KAJIAN

Peminjaman perkataan Thai dalam bahasa Melayu melibatkan pelbagai bidang termasuk makanan, fesyen, teknologi, dan seni dan budaya. Proses peminjaman ini tidak hanya melibatkan aspek fonetik dan fonologi, malah perubahan makna dan penyesuaian dalam struktur ayat. Dalam kajian ini hanya kata pinjaman bahasa Thai dalam bahasa Melayu dalam bidang pertanian sahaja yang dibincangkan. Peminjaman kata dalam sesuatu bahasa sudah pasti akan menyebabkan perubahan terhadap sesuatu kata pinjaman tersebut sama ada perubahan daripada aspek bunyi mahupun makna. Begitu juga dengan kata pinjaman bahasa Melayu yang diserapkan daripada bahasa Thai pasti mengalami perubahan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokus kepada perubahan makna yang berlaku, iaitu daripada aspek penyempitan makna dan peluasan makna berdasarkan pendekatan Bloomfield (1984). Berdasarkan analisis yang dilakukan pengkaji mendapati lapan kata pinjaman Thai tersenarai dalam Kamus Dewan Perdana (2020) yang berkaitan dengan bidang pertanian. Namun, kata-kata tersebut tidak dilabelkan sebagai kata pinjaman Thai, tetapi sebagai kata dialek. Daripada lapan kata tersebut, dua kata pinjaman Thai mengalami penyempitan makna, iaitu *rang*, dan *rak*, manakala enam perkataan mengalami peluasan maka, iaitu *cak*, *gerat*, *gok*, *rang (ran)*, *peroi* dan *peru*.

### Penyempitan Makna (*Narrowing*)

Penyempitan makna merupakan proses perubahan makna dari yang lebih umum kepada makna yang lebih khusus (Sarwiji Suwandi 2008:132). Menurut Bloomfield (1933: 425-443), penyempitan makna mempunyai makna yang lebih sempit daripada makna yang terdapat dalam bahasa asal. Proses ini berlaku terhadap suatu kata yang umum digunakan, tetapi kini penggunaannya makin terbatas atau lebih khusus. Begitu juga dengan kata-kata yang digunakan dalam bidang pertanian yang dituturkan oleh penutur bahasa Melayu yang terdapat dalam kajian ini.

Perkataan *rang* dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman daripada Thai, iaitu **ร่า**/*rá:ŋ*/. Dalam bahasa Thai, kata *rang* merujuk kepada golongan kata kerja yang membawa dua maksud, iaitu berpisah buat sementara dan terbiar (Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011, 2013). Kata *rang* yang merupakan kata kerja dalam bahasa Thai ini telah berubah menjadi kata nama apabila kata ini dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Perkataan ini juga mengalami penyempitan makna yang membawa maksud tanah yang telah dibajak tetapi dibiarkan tidak



dusahakan untuk beberapa lama bagi mengembalikan kesuburannya dan tanah sawah yang terbiar dan tidak diusahakan. Dengan kata lain dalam peminjaman ini telah berlaku penyempitan makna. Ini disebabkan perkataan ร้าง /rá:ŋ/ dalam bahasa Thai mempunyai makna yang lebih luas jika dibandingkan dengan *rang* dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Thai, kata ร้าง /rá:ŋ/ merujuk kepada perpisahan antara pasangan atau rumah yang tidak didiami oleh sesiapa dalam tempoh masa yang lama. Manakala, ‘rang’ dalam bahasa Melayu merupakan kata nama yang merujuk kepada tanah yang terbiar.

Perkataan รก /rôk/ dalam bahasa Thai dipinjam ke dalam bahasa Melayu menjadi rak yang membawa maksud semak atau belukar. Kata รก /rôk/ sebenarnya mempunyai makna yang lebih luas bukan hanya merujuk kepada semak atau belukar tetapi juga merujuk kepada keadaan kebun, atau hutan yang semak; barang-barang yang bersepah dan tidak teratur seperti kerusi dan meja serta sampah yang dibuang merata-rata (Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011, 2013). Dalam bahasa Melayu, perkataan ‘rak’ yang dipinjam daripada bahasa Thai telah mengalami perubahan jenis kata iaitu kata nama dan berlaku penyempitan makna menjadi ‘semak atau belukar sahaja.

### **Peluasan Makna**

Peluasan makna merujuk kepada kata yang mempunyai makna lebih luas daripada makna yang terdapat dalam bahasa asal, iaitu kata yang lingkungan rujukannya agak sempit berubah menjadi luas (Bloomfield 1933: 425-443). Menurut Sarwiji Suwandi (2008:130), peluasan makna adalah proses perubahan makna kata dari yang lebih khusus kepada makna yang lebih umum. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati terdapat enam kata pinjaman bahasa Thai dalam bahasa Melayu khususnya dalam bidang pertanian yang berlaku peluasan makna.

Salah satu alat pertanian yang penting ialah cangkul. Dalam dialek Kelantan dan Terengganu cangkul dikenali sebagai cak /cəʔ/. Perkataan cak /cəʔ/ dalam dialek Pantai Timur ini adalah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Thai, iaitu จอบ /cò:p/. Perkataan จอบ /cò:p/ dalam bahasa Thai merupakan sejenis kata nama yang merujuk kepada alat untuk menggali atau menggembur tanah yang diperbuat daripada besi yang lebar dan berhulu panjang atau cangkul (Kamus Institut Pendeta Diraja Thai 2011, 2013). Apabila จอบ /cò:p/ dipinjam ke dalam bahasa Melayu, iaitu dialek Pantai Timur ia membawa maksud cangkul. Perkataan ini juga mengalami penambahan kata betul menjadi cak betul yang membawa maksud alat untuk mengupas kelapa. Perkataan ini juga berasal daripada perkataan จอบ /cò:p/ yang dipinjam ke dalam Bahasa Melayu menjadi ‘cak’ dalam dialek Kelantan dan Terengganu disebut /cəʔ/ juga terdapat dalam dialek Utara yang disebut sebagai /cəp/. Perkataan ‘cak’ dan ‘cop’ bermaksud cangkul, alat untuk mengupas sabut kelapa dan ‘cak betul’ pula bermaksud cak yang berhulu dengan mata yang tidak lebar. Ini dapat dikatakan bahawa จอบ /cò:p/ dipinjam ke dalam bahasa Melayu dengan makna yang lebih luas. Sedangkan, ‘cak betul’ atau alat untuk mengupas kelapa dalam bahasa Thai tidak menggunakan perkataan จอบ /cò:p/, namun dalam bahasa Thai menggunakan perkataan /siá:m/ ‘เสียม’ untuk perkataan tersebut.

Terdapat juga perkataan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian bersawah yang dipinjam daripada bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu yang turut mengalami perubahan makna. Perkataan คราด /kʰrâ:t/ dalam bahasa Thai dipinjam ke dalam bahasa Melayu menjadi gerat /gəʔyaʔ/. Dalam bahasa Thai คราด /kʰrâ:t/ bermaksud alat untuk menyawah yang ditarik oleh lembu atau kerbau atau pesisir untuk menggemburkan tanah. Apabila dipinjam ke dalam bahasa Melayu, gerat /gəʔyaʔ/ mempunyai maksud yang lebih luas, iaitu selain alat untuk menyawah ia juga memberi maksud lekuk yang agak dalam kerana ditakik pada batang kelapa dan ketak atau

ruas pada tanduk kerbau. Ini dapat dirumuskan bahawa perkataan tersebut telah mengalami perubahan peluasan makna.

Kata กุฎ /k<sup>h</sup>ûk/ dalam bahasa Thai yang bermaksud penjara atau lokap dipinjam ke dalam bahasa Melayu dengan makna yang lebih luas. Kata กุฎ /k<sup>h</sup>ûk/ dipinjam ke dalam bahasa Melayu sebagai 'gok' /goʔ/ bukan sahaja membawa maksud lokap tetapi diperluaskan menjadi pondok kecil tidak berlantai tempat ternakan binatang. Dalam bahasa Thai, กุฎ /k<sup>h</sup>ûk/ tidak digunakan untuk merujuk tempat binatang ternakan. Perkataan yang bersepadan dengan maksud tempat ternakan binatang seperti itik atau ayam dalam bahasa Thai ialah คอก /k<sup>h</sup>ô:k/. Kemungkinan besar bahawa kedua-dua perkataan mempunyai asal usul kata yang sama.

Perkataan rang dan ran dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman dari pada Thai, iaitu รัง /rá:n/. Perkataan รัง /rá:n/ yang dipinjam dalam bahasa Melayu ini telah mengalami peluasan makna daripada makna asal. Dalam bahasa Thai perkataan รัง /rá:n/ bermakna tempat untuk duduk atau menjual dan lanjutan untuk tanaman merambat. Dalam bahasa Melayu, perkataan rang /rɛ/ ini mengalami peluasan makna, iaitu sebagai perkataan 'rang' juga membawa maksud para daripada kayu yang berbentuk persegi untuk menjemur ikan dan sebagainya. Tambahan lagi, dalam bahasa Melayu 'rang' juga diberi maksud lantai yang diikat pada batang pokok tempat menebang pokok atau pondok yang dibina di atas pokok sebagai tempat tinggal atau tempat berburu. Selain itu, terdapat perkataan 'ran' dalam bahasa Melayu yang bermaksud pondok yang dibina di atas pokok sebagai tempat tinggal, tempat berteduh atau tempat berburu. Namun dalam bahasa Thai, pondok atas pokok atau lantai yang diikat pada batang pokok itu mempunyai istilah lain, iaitu นั้งรัง /nânrá:n/.

Perkataan 'lau' dalam bahasa Melayu telah mengalami peluasan makna jika dibandingkan dengan kata asal. Perkataan 'lau' dipinjam daripada เล้า /laú/ dalam bahasa Thai. Kata เล้า /laú/ dalam bahasa Thai bermaksud tempat untuk mengurung binatang seperti itik atau babi. Apabila perkataan ini dipinjam ke dalam bahasa Melayu, maksudnya lebih meluas iaitu tempat mengurung binatang ternakan yang berpagar di bawah rumah atau di kawasan belakang rumah yang mempunyai para di dalamnya. Maksud yang terdapat dalam bahasa Melayu lebih luas daripada bahasa Thai.

Perkataan โปรย /proi/ dalam bahasa Thai merupakan kata kerja yang membawa maksud menabur atau memeru. Manakala 'peroi' yang terdapat dalam bahasa Melayu merupakan kata adjektif dengan maksud tidak padat dan pecah kecil-kecil kerana dibajak, dicangkul (berkenaan tanah, pasir dsb), gembur dan keadaan tidak melekat kerana elok masaknya; Nasi minyak yang dimasakkan tampak cantik, peroi dan tanggal. Selain itu terdapat perkataan 'peru' dalam bahasa Melayu yang merupakan kata kerja yang membawa maksud memeru atau menabur seperti padi, pasir, gula, bijan dan sebagainya. Ini boleh diandaikan bahawa perkataan 'peroi' dan 'peru' berasal daripada perkataan yang sama dalam bahasa Thai iaitu โปรย /proi/.

## PERBINCANGAN

Dalam kajian peminjaman bahasa, teori peluasan makna dan pemyempitan makna yang dikemukakan oleh Bloomfield (1933) memberi kerangka untuk memahami bagaimana kata - kata dari satu bahasa boleh mengalami perubahan makna apabila dipinjam ke dalam bahasa lain. Peminjaman bahasa bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu adalah satu contoh yang menarik kerana ia melibatkan interaksi antara dua bahasa yang mempunyai latar budaya dan linguistik yang berbeza.

Dalam konteks ini, kita dapat melihat bagaimana konsep dan istilah daripada bahasa Thai disempitkan ke dalam bahasa Melayu yang mempengaruhi bunyi dan makna asal. Keadaan yang sama turut berlaku ke atas kata asal bahasa Thai yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu yang telah mengalami peluasan makna. Penyempitan makna dan peluasan makna yang berlaku terhadap kata pinjaman bahasa Thai yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu menggambarkan penyesuaian kata-kata pinjaman terhadap konteks tempatan. Proses ini bukan sahaja memperkayakan leksikon bahasa Melayu namun mencerminkan interaksi budaya yang dinamik antara kedua-dua bahasa berdasarkan faktor-faktor tertentu.

Peminjaman bahasa berlaku disebabkan oleh beberapa faktor utama yang mendorong sesuatu bahasa menyerap kata-kata daripada satu bahasa yang lain. Begitu juga dengan peminjaman bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu yang telah dibincangkan. Salah satu faktor utama peminjaman bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu adalah berkaitan dengan teknologi pertanian terutama penanaman padi. Berdasarkan sejarah penanaman padi di kawasan Semenanjung Tanah Melayu, dapat diperhatikan bahawa teknologi pertanian di kawasan Semenanjung Tanah Melayu sedikit lewat berbanding sektor pertanian di kawasan utara Thailand. Proses migrasi dari utara ke kawasan-kawasan Semenanjung seperti Kedah oleh etnik asing menjadikan banyak perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Proses migrasi ini telah menyebabkan berlakunya pertembungan bahasa dan budaya sehingga berlaku langsung diserap dan diguna sama oleh etnik Melayu. Pertembungan dan penyerapan bahasa ini menjadi bukti bahawa teknologi pertanian yang 'diangkut' bersama oleh etnik asing ke kawasan Semenanjung antara faktor utama fenomena kebahasaan ini.

Banyak perkataan yang mengkhusus bidang pertanian diguna pakai dalam kegiatan pertanian di utara Malaysia misalnya gerat /gəyɑʔ/ dan peroi. Hal ini berkait rapat dengan ciri penanaman padi basah yang dibawa etnik Siam ke dalam budaya penanaman di kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu. Sedangkan, di kawasan selatan, dilihat banyak aktiviti penanaman padi kering yang lazimnya dilaksanakan oleh masyarakat pendatang dari kawasan Sumatera Barat. Kedua-dua budaya penanaman ini sedikit sebanyak telah memberi input dari sudut leksikal dalam perkamusan bahasa basahan masyarakat setempat terutama etnik Melayu.

Komunikasi inter-etnik antara Melayu, Siam mahupun bangsa asing yang mendiami bumi Semenanjung Tanah Melayu membolehkan serapan kata asing ke dalam bahasa ibunda. Apabila sesuatu konsep atau alat dalam pertanian tidak mempunyai istilah yang setara dalam bahasa Melayu, kata pinjaman sering digunakan untuk mengisi kekosongan tersebut. Ini berlaku terutamanya dalam bidang pertanian, di mana alat atau teknik yang unik kepada budaya Thai diperkenalkan kepada masyarakat Melayu. Kekurangan istilah yang setara dalam bahasa Melayu menyebabkan kata pinjaman Thai digunakan untuk memudahkan komunikasi dan pemahaman.

Peminjaman kata dari bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu tetapi juga mencerminkan sejarah interaksi dan integrasi budaya antara kedua-dua masyarakat. Faktor-faktor ini menunjukkan betapa dinamikannya bahasa dalam mencerminkan realiti sosial dan sejarah masyarakat yang menurukannya. Manakala, perubahan makna merupakan fleksibiliti dan kebolehan beradaptasi bahasa Melayu dalam menerima dan mengintegrasikan elemen-elemen baharu daripada bahasa-bahasa lain. Ia juga mencerminkan proses dinamik dalam evolusi bahasa yang terus berubah mengikut keperluan dan kefahaman masyarakat yang bertutur bahasa Melayu. Dengan memahami perubahan makna dalam peminjaman perkataan Thai, dapat melihat bagaimana proses komunikasi dan persefahaman lintas budaya terus berkembang dalam masyarakat multibudaya seperti Malaysia dan memahami faktor-faktor yang menyebabkan peminjaman perkataan berlaku.

## KESIMPULAN

Peminjaman perkataan Thai dalam bahasa Melayu adalah satu fenomena yang menarik dari sudut perubahan makna. Ia mencerminkan hubungan masyarakat dan menggambarkan proses kedinamikan dalam perkembangan bahasa, terutamanya dalam bidang pertanian yang merupakan hasil daripada interaksi sejarah, geografi dan budaya antara Malaysia dan Thailand. Melalui analisis kata pinjaman yang terdapat dalam Kamus Dewan Perdana, kajian ini mendapati bahawa perubahan makna berlaku dalam dua bentuk utama: penyempitan makna dan peluasan makna. Penyempitan makna terjadi apabila kata pinjaman dalam bahasa Melayu mengambil makna yang lebih khusus berbanding dengan makna asal dalam bahasa Thai. Sebaliknya, peluasan makna berlaku apabila kata pinjaman dalam bahasa Melayu memperoleh makna yang lebih luas daripada makna asalnya dalam bahasa Thai. Melalui proses peminjaman ini, bahasa Melayu menjadi semakin kaya dengan variasi dan nuansa makna yang menggambarkan kepelbagaian budaya yang ada dalam masyarakat khususnya di Malaysia.

Kajian lanjut mengenai peminjaman perkataan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai, termasuk bahasa-bahasa lain adalah penting untuk memahami proses perkembangan bahasa dan hubungan antarabangsa. Ini juga memberi peluang untuk mengkaji impak peminjaman perkataan terhadap struktur dan kepelbagaian semantik dalam bahasa Melayu serta memperkukuh lagi integrasi budaya antara negara-negara di rantau Asia Tenggara.

## RUJUKAN

- Abdonloh Khreedah, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Muatalib. 2022. Pemugaran Perubahan Makna Kata Pinjaman Bahasa Thai dalam Dialek Melayu Pattani. *Jurnal Pengajian Melayu*. 33 (1), 1-16.
- Baru, W. @ Ahmad Idris. 1990. *Pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani: Kajian kes sosiolinguistik di Wilayah Pattani*. Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bloomfield, L.(1933). *Language*. Delhi:Motilal Banarsidass.
- Booismfield, L. 1984. *Language*. Chicago and London. The University of Chicago Press.
- Brown, K & Miller, J. 2013. *The Cambridge Dictionary of Linguistics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Chaiyanara, P. M. 2005. Kacukan Bahasa Regional Sempadan Selatan Thailand: Produk Bahasa Antara Penutur Melayu dan Thai. *Englonesian. Jurnal Ilmiah Linguistik dan Sastera*. 1 (2), 1-6.
- Kamus Dewan Perdana. 2020. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. 1997. Selangor Darul Ehsan. Pencetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pendeta diraja Thai. 2013. Bangkok. Nameebooks.
- Knowles, G. 1997. *A Cultural History of English Language*. London: Arnold.
- Mohammad Nor Taufiq Nor Hashim & Aniswal Abd Ghani. 2023. Peminjaman Perkataan Sanskrit dalam Bahasa Melayu: Penelitian dari sudut Makna. *GEMA*, 23 (1), 244.
- Mohammed Yusoff Ismail. 1989. Kata-kata Pinjaman Thai dalam Dialek Kelantan. Dalam Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (Ed.), *Warisan Kelantan VIII* (pp. 44-50). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

- Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim, Faharol Zubir dan Abdulrazak Panaemalae. 2016. Influence of thai language towards malay language (the Perlis dialect). *Conference: The Symposium of International Languages and Knowledge (SILK 2016)*. Thailand.
- Muhammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis dan Hayati Lateh. 2015. Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan Vs peralihan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 5 (1), 1-9.
- Muhammad Firdaus Mohd Sah & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2021. Strategi Adaptasi Kata Pinjaman dalam Bahasa Bugis: Koresponden-OO. *GEMA*. 21 (3), 52-76.
- Rohaidah Harun, Ab. Razak Ab. Karim dan Indrawati Zahid. (2018). Pertembungan bahasa di Selatan Thailand: Faktor dan Implikasi. *PENDETA*. 9 (117-129).
- Sarwiji Suwandi. 2008. *Semantik Pengantar Kajian Makna*. Penerbit Media Perkasa.
- Haji Umar. 2010. Lexical borrowing between Austronesian and Tai-Kadai language families: Focus on Malay and Thai language families. *Journal of Language and Culture*, 29 (1), 5-34
- Ruslan Uthai,. 2005. *Ciri-ciri Istimewa Dialek Melayu Patani: Satu Tinjauan*. Prince of Songkla University, Thailand: Educational Technology Department Press.

## TEMU BUAL

- Waemaji Paramal. 2024. Istilah kata dalam bahasa Thai. Temu bual, 20 Mac.
- Noorazi Rani. 2024. Istilah kata dalam dialek Kelantan. Temu bual, 22 Mac.
- Shaharol Niza Omar. 2024. Istilah kata dalam dialek Kelantan. Temu bual, 22 Mac.

### **Biodata Penulis:**

**Rohani Poteh** merupakan seorang pensyarah di Universiti Prince of Songkla, Thailand, yang juga sedang mengikuti pengajian tahun akhir Doktor Falsafah dalam bidang Bahasa dan Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Karim Harun (PhD)** merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Linguistik di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Maslida Yusof (PhD)** merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Linguistik di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.